

AMALAN SYIAH: KEFAHAMAN DALAM KALANGAN PELATIH- PELATIH INSTITUT PENDIDIKAN GURU DI SELANGOR

**Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah, Norasiah Mohammad, Muhammad
Faiz Mukmin Bin Abdul Mutalib, Mohd Shairawi Mohd Noor, Hamzah
Bin Omar**

ABSTRAK

Di sebalik perkembangan Syiah begitu pesat di seluruh dunia, fahaman ini bercanggah dengan fahaman ASWJ yang diamalkan di negara ini. Kebelakangan ini pula Syiah bergerak aktif secara persendirian atau berkumpulan dalam kalangan mahasiswa dan pensyarah IPT. Oleh yang demikian kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap kefahaman terhadap amalan Syiah dalam kalangan pelatih-pelatih Institut Pendidikan Guru di Selangor. Metodologi kuantitatif digunakan dalam kajian ini dan data dikumpulkan melalui analisis dokumen serta instrumen soal selidik. Teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) dijalankan dan analisa dilakukan secara deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai. Keseluruhan kajian mendapati pelatih-pelatih Institut Pendidikan Guru di Selangor menerima Syiah sebagai fahaman yang terseleweng dari ASWJ. Walau bagaimanapun masih terdapat pelatih-pelatih yang keliru dalam membezakan antara amalan Syiah dan ASWJ. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu merangka dasar baru pendidikan akidah dalam menangani penularan pengaruh Syiah di Malaysia.

ABSTRACT

Despite the rapid development of Shiites around the world, this ideology contradicts the ASWJ ideology practiced in this country. Recently, Shiites have been actively active individually or in groups among students and lecturers of IPT. Therefore, this study aims to analyze the level of understanding of Shiite practices among trainees of the Institute of Teacher Education in Selangor. Quantitative methodology was used in this study and data were collected through document analysis as well as questionnaire instruments. Purposeful sampling technique is carried out and the analysis is done descriptively using mean and standard deviation. The whole study found that the trainees of the Institute of Teacher Education in Selangor accepted the Shiites as a distorted ideology from ASWJ. However, there are still trainees who are confused in distinguishing between Shiite and ASWJ practices. The findings of this study are expected to help formulate a new policy of faith education in dealing with the spread of Shiite influence in Malaysia.

1.0 Pendahuluan

Revolusi Iran pada tahun 1979 menggantikan kerajaan Shah Pahlavi dengan negara Republik Islam Iran. Revolusi ini menyatukan negara Islam melalui fahaman Wilayatul Faqih iaitu meletakkan kepimpinan di bawah pengurusan agamawan (Mohd Nakhaie, 2013; Mohammed al-Sulami, 2018). Di Malaysia perkembangan ketara Syiah selepas tahun 1980an berikutan hubungan perdagangan dan pertukaran tenaga pakar antara Malaysia dan Iran. Terdapat kira-kira 100,000 warganegara Iran terdiri daripada pensyarah Universiti, pelajar serta golongan pelabur atau usahawan yang mana mempunyai hubungan dengan golongan politik (Marcinkowski, 2013). Pengaruh Syiah menimbulkan pertembungan dengan fahaman ASWJ sehingga mengancam keselamatan Negara

(Astroawani.com, 2015). Oleh yang demikian, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 5 Mei 1996 memutuskan bahawa Syiah yang mencakupi aliran Syiah Imamiyah atau Syiah Zaidiyyah diharamkan pengamalannya dan tergolong dalam kategori ajaran sesat (Fatwa Kebangsaan 2013).

2.0 Latar belakang

2.1 Definisi Amalan

Amalan menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2005) istilah amalan bermaksud sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan dan dikerjakan. Ianya juga sebagai suatu kebiasaan. Amalan juga dapat diertikan sebagai suatu perbuatan yang baik atau membuat suatu kebajikan. Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua pula, istilah amalan sebagai suatu perbuatan yang baik-baik dan ianya juga merupakan suatu perbuatan yang selalu dilakukan dan menjadi kebiasaan bagi seseorang. Kajian ini ingin melihat amalan-amalan penganut Syiah serta ajaran Syiah dan gejala-gejalanya yang berlaku di Malaysia.

2.2 Amalan Masyarakat Melayu menurut Syiah

Menurut Mohd Samsuddin dan Azmul Fahimi (2011) perayaan besar Syiah adalah meraikan kematian Husain di Karbala pada 10 Muharram. Perayaan ini muncul ketika kerajaan Fatimiyyah di Mesir menyambut tarikh ini sebagai hari berdukacita dengan disajikan makanan dan para penyair melantunkan syair syair sedih. Manakala di Jawa dan Makassar, bubur Asyura atau suro menjadi lambang hari perkabungan. Begitu juga di Daerah Minang dinyanyikan syair Hikayat Husain Berperang Dengan Raja Yazid sebagai tanda simpati kepada Husain yang di bunuh di Karbala. Selain itu amalan ini dinamakan *ta'ziah* dalam kalangan

pengikut Syiah di Burma dan didakwa turut diraikan dalam bulan Muharram dalam kalangan masyarakat Sunni di Arakan. Di Malaysia pula dalam kalangan masyarakat Melayu terkenal dengan masakan bubur Asyura' pada bulan Muharram tanpa menetapkan tarikh 10 Muharram.

Menurut Al-Ahkam.net (2012) berkenaan Memorandum Syiah yang dihantar kepada Yang Di Pertuan Agong mendakwa lebih 10 amalan ritual yang berasal daripada Syiah. Amalan dan budaya, adat penduduk setempat seperti mendirikan binaan di atas kubur, mendewa-dewakan para wali yang sudah meninggal dunia, memperingati hari kematian atau 'hari hol'. Begitu juga dengan berzanji, sambutan maulud, membaca talkin, bacaan surah Yassin secara berjemaah pada setiap malam Jumaat, tahlil, sambutan Isra' Mikraj dan Nisfu Sya'ban. Semua amalan yang berasal daripada Syiah ini diteruskan masyarakat Malaysia sebagai amalan agama yang tidak boleh ditinggalkan.

Wan Zailan Kamaluddin (1994) mendakwa di Alam Melayu beberapa ritual agama dibawa masuk oleh Syiah seperti pembacaan kisah-kisah kelahiran nabi atau mawlid nabi yang mengandungi fahaman Nur Muhammad. Perayaan mawlid Rasul bermula pada zaman dinasti Banī Buwayh yang berfahaman Syiah berkuasa di dalam kerajaan Banī Abbāsiyyah. Antara ritual lain yang diresapi pengaruh Syiah ialah amalan ratib atau tahlil arwah yang diamalkan penganut Syiah di Iraq sejak zaman berzaman. Dalam tahlil arwah juga dibacakan oleh orang-orang Melayu ayat 33 daripada surah al-‘Ahzab yang diyakini oleh orang-orang Syiah sebagai bukti keturunan ‘Ali dan Fātimah adalah maksum. Selain itu orang-orang Melayu juga mengamalkan ratib Samman yang berbunyi, *al-Hasan thumma al-Husayn ibu ‘Ali, Fātimah ya aini*. Perkara ini juga terdapat dalam doa-doa Melayu dan jampi mantera dalam kalangan bomoh-bomoh tradisional.

Paridah Ramli (1984) menyatakan isi fahaman tarekat yang menghubungkan sebahagian nasab syeikh-syeikh tarekat kepada imam-imam Syiah. Tarekat ini memiliki hubungan sanad kepada Musa al-Kazim, Ja'far al-Sadiq sehingga kepada Ali bin Abi Talib. Fahaman Syiah masuk dalam tarekat yang wujud di Alam Melayu menerusi ilmu tasawuf yang menyeleweng. Pada abad ke-12 kehadiran tokoh tasawuf yang menyeleweng ini memberi implikasi kepada faktor kelahiran fahaman Syiah dalam pemikiran orang Melayu. Tokoh yang menyeleweng tersebut menonjolkan imej sebagai ilmuan agama supaya mendapat penghormatan di mata masyarakat Melayu di Nusantara.

2.3 Penyelewengan dalam Amalan Syiah

Sedangkan terdapat sejumlah perbezaan di antara amalan Syiah dengan Ahli Sunah Waljamaah yang signifikan dalam hal yang berkaitan. Penyelewengan dalam amalan Syiah adalah seperti berikut:

i. Nikah Mutaah

Nikah Mutaah adalah pernikahan yang meletakkan tempoh tertentu di dalam akad. Nikah kontrak yang bersifat sementara ini menisbahkan kepada hadis dengan menyamai darjat Husain, Hasan, Ali bin Abu Talib dan baginda SAW sendiri. Terdapat lima rukun akad Mutaah seperti suami, isteri, mahar, tempoh waktu dan lafaz akad ijab qabul. Bilangan isteri dalam nikah Mutaah tidak terbatas. Suami tidak wajib memberi nafkah, tempat tinggal dan pakaian. Kedua-dua suami isteri tidak dapat saling mewarisi harta masing-masing. Selain itu Mutaah merupakan amalan beragama dan mengingkarinya bererti dia kafir dan murtad (al-Kashani 2000). Disamping itu Mutaah merupakan sebahagian kesempurnaan iman dalam Syiah (al-Qommi 2011).

ii. Amalan-amalan pada 10 Muharram

Ratapan terhadap kematian Sayidina Husain berlaku pada 10 hari terawal bulan Muharram dan kemuncaknya ialah pada 10 Muharram. Golongan Syiah akan berdemonstrasi di jalan bagi mengingati syahid Sayidina Husain dan menganggap perbuatan tersebut bertujuan mendekatkan diri kepada Allah. Mereka akan memukul pipi, dada, belakang badan dengan tangan mereka, mengoyakkan leher baju dalam keadaan menangis, meratap dan menjerit dengan jeritan ‘Wahai Husain! Wahai Husain!’ (al-Qommi 2011).

iii. Harus Meminjamkan Faraj

Syiah berpendapat bahawa hukum amalan meminjam faraj tidak disepakati oleh ulama al-ammah iaitu Ahli Sunah Waljamaah dan ianya adalah tidak haram. Perkara ini boleh dimakruhkan jika tidak disyaratkan bebasnya anak. Jika disyaratkan, hilanglah hukum makruh tersebut. Oleh yang demikian seseorang lelaki boleh menghalalkan kepada saudaranya faraj jariahnya. Ini kerana saudaranya boleh menikmati sebahagian daripada anggota jariah miliknya yang memang dihalalkan untuknya (al-Tusi 1407H).

iv. Harus meliwat perempuan

Syiah juga berpendapat bahawa dibolehkan seorang lelaki menyetubuhi perempuan pada duburnya jika perempuan itu redha. Amalan ini berdasarkan firman Allah yang bermaksud: Isteri kamu umpama tanah tempat bercucuk tanam bagi kamu. Maka datangilah tanah tempat kamu bercucuk tanam itu dari arah mana yang kamu sukai. Ini bermakna menyetubuhi isteri melalui dubur merupakan hak milik suami sepenuhnya (al-Tusi 1407H).

v. Solat Syiah

Menurut Abu Dzar bin Latip waktu solat dalam mazhab Syiah daripada sudut waktu adalah berbeza dengan Ahli Sunah Waljamaah. Ini dapat diperhatikan dalam penentuan waktu Fajar Sadiq yang menandakan masuk waktu subuh di kawasan yang sewaktu dengannya. Fajar Sadiq bagi Syiah di Malaysia adalah berlainan dengan Ahli Sunah Waljamaah yang bermazhab Syafie di Malaysia. Bagi Syiah di Malaysia, azan yang berkumandang menurut Ahli Sunah Waljamaah itu bukanlahlah waktu subuh yang sebenar. Waktu subuh yang sebenar menurut perkiraan Syiah di Malaysia ini adalah 15 minit selepas berkumandangnya azan di satu-satu kawasan. Mereka berpendapat bahawa di Malaysia, mereka melaungkan azan adalah pada ketika waktu fajar Kazib dan bukan fajar Sadiq (Mohd Haidhar 2011).

Selain itu hukum harus untuk menjamakkan waktu zohor dan asar serta waktu maghrib dengan isyak di dalam musafir ataupun hadir tanpa sebab (Lutpi Ibrahim 1993). Waktu zohor pula adalah ketika gelincir matahari. Ini tidak berbeza dengan mazhab Syafie di Malaysia. Manakala waktu solat asar adalah empat rakaat setelah waktu zohor. Masuk waktu maghrib adalah ketika hilang cahaya kemerahan di kaki langit sehingga langit kelihatan gelap sepenuhnya. Bagi Mazhab Syafie, apabila hilang cahaya kemerahan ini sepenuhnya, itu menandakan waktu isyak sudah masuk. Bagi solat isyak pula ianya bermula setelah 3 rakaat waktu maghrib. Perkara ini dilakukan pada setiap waktu dalam semua keadaan tanpa memerlukan sebab seperti musafir atau dalam keadaan hujan (Harian Metro 2010).

Disamping itu keperluan sujud di atas tanah, batu atau sesuatu hasil daripada tanah yang tidak dijadikan makanan dan pakaian. Ianya cukup sekadar meletakkan dahi sahaja, tetapi lebih baik jika dapat meletakkan dahi beserta hidung. Jika bersujud

dengan dahi diatas sesuatu yang boleh dibuat pakaian atau makanan maka ianya tidak sah. Dengan ini, jika bersujud di atas karpet atau sesuatu yang berupa kain yang boleh dibuat pakaian, maka tidak sah solat. Bagi Syiah, sujud yang paling afdhal adalah bersujud di atas tanah Karbala' seperti *turbah* iaitu tanah tempat wafatnya Sayidina Hussain RA. Oleh yang demikian sujud itu akan terpancar cahayanya sehingga ke langit. Makhluk yang menyaksikannya adalah para Malaikat dan wali-wali Allah yang menjadi saksi (Mohd Haidhar 2011).

Menurut al-Khomeini (1998) bahawa Syiah tidak wajib melaksanakan solat Jumaat kerana mengikut keyakinan terhadap solat jumaat belum wajib sebelum datang Imam yang ke 12 iaitu al *Mahdi al Muntazar*. Oleh kerana itu solat jumaat hukumnya *ikhtiari* iaitu pilihan seseorang penganut Syiah boleh memilih antara solat zohor atau Jumaat. Melaksanakan solat Jumaat lebih baik namun lebih utama untuk menunaikan solat zohor selepas menunaikan solat Jumaat. Menurut al-Salus (2003) meskipun mendirikan solat Jumaat bersama jamaah, mereka akan terus berdiri setelah imam mengucapkan salam. Orang-orang akan menyangka mereka mengerjakan solat sunat, padahal mereka menyempurnakan solat zohor empat rakaat, kerana pengikut Syiah tidak meyakini kesahihan solat Jumaat kecuali bersama Imam yang maksum atau wakilnya.

vi. Puasa Syiah

Pada bulan Ramadan penganut Syiah tidak berbuka puasa setelah azan maghrib. Dalam hal ini Syiah berkeyakinan seperti Yahudi iaitu berbuka puasa apabila hilangnya awan merah dan bintang-bintang sudah kelihatan di langit. Dianjurkan juga untuk mendahulukan solat maghrib daripada berbuka. Dengan kata lain mereka berbuka apabila benar-benar sudah masuk waktu malam. Mereka juga

tidak solat terawih bersama kaum Muslimin, kerana menganggapnya sebagai bid'ah (Hurr Amili, 1409H).

vii. Ganjaran Syurga bagi Mereka yang Menziarahi Kubur Sayidina Hussain

Bagi fahaman Syiah menganggap bahawa menziarahi kubur Sayidina Hussain akan dijanjikan syurga padanya. Ini bermaksud bahawa tidak menjadi kesalahan jika tidak melaksanakan perkara ibadah khusus yang lain seperti solat puasa, zakat dan lain-lain (al-Mufid 1993). Syiah juga berpegang kepada hari Perayaan Imam Husain yang melebihi martabat Sayidina Husain dan Sayidina Ali berbanding Nabi Muhammad SAW (Harian Metro 2010). Menurut Abu Dzar bin Latip dalam masalah mendapat ganjaran syurga bagi mereka yang menziarahi kubur Sayidina Hussain ini adalah kembali kepada konsep *tawalla* dan *tabarra* (Mohd Haidhar 2011). Pendapat ini merujuk kembali kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "ulil-amri" (orang-orang yang berkuasa) dalam kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunah) Rasulnya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya” (al-Quran, al-Imran 4: 59).

Lantaran itu bagi membendung perkembangan ajaran Syiah di Selangor, Jabatan Mufti membentuk satu jawatankuasa untuk menggubal Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor. Akta berkaitan ajaran Syiah yang digubal pada tahun 1998 telah dimansuhkan dengan penggubalan akta yang baru pada tahun 2013. Enakmen tersebut mencatatkan bahawa sebarang bentuk penyebaran dan

amalan dalam bentuk jemaah atau individu, membuat akuan bersumpah, menganjurkan program, membantu dalam menjayakan program serta apa jua publisiti sama ada dalam bentuk cetakan media dan elektronik, laman sesawang dan sebarang bentuk berkaitan dengannya adalah satu kesalahan. Mana-mana orang Islam yang melakukan perkara tersebut adalah menjadi suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di negeri Selangor (Warta Kerajaan Negeri Selangor, 2013).

Walau bagaimanapun, Syiah masih diamalkan secara sembunyi di kediaman persendirian dan berkembang secara rahsia. Ini dibuktikan dengan beberapa siri serbuan oleh pihak Jabatan Agama Negeri di lokasi berasingan di Selangor, Perak, Kedah dan Kelantan sejak tahun 2010 (JAKIM, 2014). Justeru, penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap kefahaman terhadap amalan Syiah dalam kalangan pelatih-pelatih Institut Pendidikan Guru di Selangor.

3.0 Metodologi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Tujuan kajian ini untuk mengenal pasti tahap kesedaran terhadap pengaruh rakan dalam sebaran kefahaman Syiah dalam kalangan guru-guru pelatih di IPG Selangor. Bentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan menjalankan soal selidik. Perkumpulan data ditadbir dengan melaksanakan program *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 25. Huraian dapatan kajian secara deskriptif bagi mengetahui tahap kesedaran terhadap pengaruh rakan para guru pelatih terhadap kefahaman Syiah.

3.2 Populasi Dan Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan populasi iaitu para guru pelatih di IPG, Selangor iaitu seramai 781 orang. Manakala sampel kajian merujuk kepada jadual Krejcie dan

Morgan (1970) iaitu adalah seramai 270 orang. Kajian menggunakan sebanyak 450 soal selidik dan hanya 340 soal selidik sahaja yang dipulangkan. Akan tetapi hanya 270 soal selidik dapat diguna pakai kerana baki soal selidik yang lain mengalami kerosakan atau tidak menepati kehendak analisis data. Gambar rajah jadual saiz sampel berdasarkan kepada Krejcie dan Morgan (1970) adalah seperti berikut:

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
10	10	85	70	220	140	440	205	1200	291	4000	351
15	14	90	73	230	144	460	210	1300	297	4500	354
20	19	95	76	240	148	480	214	1400	302	5000	357
25	24	100	80	250	152	500	217	1500	306	6000	361
30	28	110	86	260	155	550	226	1600	310	7000	364
35	32	120	92	270	159	600	234	1700	313	8000	367
40	36	130	97	280	162	650	242	1800	317	9000	368
45	40	140	103	290	165	700	248	1900	320	10000	370
50	44	150	108	300	169	750	254	2000	322	15000	375
55	48	160	113	320	175	800	260	2200	327	20000	377
60	52	170	118	340	181	850	265	2400	331	30000	379
65	56	180	123	360	186	900	269	2600	335	40000	380
70	59	190	127	380	191	950	274	2800	338	50000	381
75	63	200	132	400	196	1000	278	3000	341	75000	382
80	66	210	136	420	201	1100	285	3500	346	1000000	384

Jadual 3.1: Krejcie dan Morgan (1970)

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat bagi menjalankan data kajian (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin 2016). Oleh itu, dua bentuk instrumen digunakan dalam kajian ini iaitu:

3.3.1 Dokumen

Perolehan data didapati melalui kajian kepustakaan. Penelitian dijalankan ke atas bahan-bahan bercetak seperti jurnal, buku, rencana-rencana, majalah dan akhbar-akhbar tempatan. Kaedah kajian perpustakaan ini digunakan untuk mendapatkan data-data atau maklumat yang berkaitan dengan sejarah, maksud, teori dan latar belakang yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

3.3.2 Borang Soal Selidik

Secara keseluruhan, borang soal selidik dijalankan mengandungi dua bahagian. Bahagian A adalah Demografi responden seperti Jantina, Umur, Sekolah Terdahulu dan Bidang Pengajian IPG. Seterusnya Bahagian B adalah Tahap kesedaran terhadap pengaruh rakan dalam sebaran kefahaman Syiah.

3.4 Analisis Deskriptif

Soal selidik dikodkan selepas diterima. Setelah itu, pentadbiran data-data tersebut dibuat dengan melaksanakan program *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 25 untuk dianalisis. Kemudian huraian data-data kajian ini dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti tahap kesedaran terhadap pengaruh rakan dalam sebaran kefahaman Syiah dalam kalangan guru-guru pelatih di IPG Selangor. Data-data ini juga dibentangkan dalam bentuk jadual bagi perbincangan yang lebih jelas.

Huraian analisis deskriptif adalah teknik secara menyeluruh yang bertujuan untuk memberi gambaran awal mengenai responden berdasarkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Kajian ini menjalankan analisis deskriptif untuk menganalisis soal selidik. Bagi menentukan tahap setiap konstruk, kajian ini menggunakan interpretasi min Nunally (1978) dalam menganalisis data.

Jadual 3.4: Interpretasi Min

Nilai Min	Interpretasi
1.01 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Nunally, J.C. (1978). *Psychometric Theory*. New York: Mc. Graw Hill book Company.

4.0 Demografi Respondan: Umur, Jantina, Sekolah terdahulu & Bidang Pengajian

Kajian ini membabitkan 268 orang guru pelatih di IPG, Bangi. Data mengenai taburan responden adalah seperti berikut:

4.1 Umur

Jadual 4.1: Umur

Perihal	Kekerapan	Peratusan
18 tahun	147	54.4
19 tahun	26	9.6
20 tahun	53	19.6
21 tahun	31	11.5
22 tahun	10	3.7
23 tahun	3	1.1
Jumlah	270	100.0

Berdasarkan jadual di atas, majoriti umur responden adalah dalam lingkungan 18 tahun dengan kekerapan 147 orang (54.4%), diikuti lingkungan 20 tahun dengan kekerapan 53 orang (19.6%), 21 tahun seramai 31 orang (11.5%), 19 tahun seramai 26 orang (9.6%), 22 tahun seramai 10 orang (3.7%) dan 23 tahun seramai 3 orang (1.1%).

4.2 Jantina

Jadual 4.2: Jantina

Perihal	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	93	34.4
Perempuan	177	65.6
Jumlah	270	100.0

Dalam kajian ini, majoriti guru pelatih yang terlibat adalah guru pelatih perempuan dengan kekerapan seramai 177 orang (65.6%) dan 93 orang (34.4%) adalah guru pelatih lelaki.

4.3 Sekolah Terdahulu

Jadual 4.3: Sekolah Terdahulu

Perihal	Kekerapan	Peratusan
SMK	44	16.3
SMKA/SABK	137	50.7
SBP/SBPI	25	9.3
MRSM	21	7.8
SMAN	30	11.1
Swasta	13	4.8
Jumlah	270	100.0

Seterusnya, dari aspek sekolah terdahulu, majoriti guru pelatih adalah dari sekolah jenis SMKA/SABK dengan kekerapan seramai 137 orang (50.7%), diikuti dari sekolah jenis SMK dengan kekerapan seramai 44 orang (16.3%), sekolah jenis SMAN dengan kekerapan seramai 30 orang (11.1%), sekolah jenis SBP/SBPI dengan kekerapan seramai 25 orang (9.3%), sekolah jenis MRSM dengan kekerapan seramai 21 orang (7.8%), sekolah jenis Swasta dengan kekerapan seramai 13 orang (4.8%).

4.4 Bidang Pengajian IPG

Jadual 4.4: Bidang Pengajian IPG

Perihal	Kekerapan	Peratusan
Pendidikan Islam	133	49.3
Bahasa Arab	41	15.2
Bahasa Melayu	59	21.9
Matematik	0	0
Pendidikan Awal Kanak-Kanak	0	0
Bahasa Inggeris (TESL)	37	13.7
Jumlah	270	100.0

Selain itu, dari segi bidang pengajian di IPG pula, jadual menunjukkan majoriti responden adalah dalam bidang pengajian Pendidikan Islam dengan kekerapan seramai 133 orang (49.3%), diikuti dalam bidang pengajian Bahasa Melayu dengan kekerapan seramai 59 orang (21.9%), dalam bidang pengajian Bahasa Arab dengan kekerapan seramai 41 orang (15.2%), dalam bidang pengajian Bahasa Inggeris (TESL) dengan kekerapan seramai 37 orang (13.7%) dan tiada responden dalam bidang pengajian Matematik mahupun Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

5.0 Analisis Dapatan (Statistik Deskriptif)

5.1 Kefahaman Responden Terhadap Amalan Syiah

Jadual 5.1 berikut mengukur tahap kefahaman responden terhadap amalan Syiah. Hasil dapatan menunjukkan 72.9 peratus (197), min 4.10 guru pelatih IPG di Selangor telah menyatakan setuju bahawa amalan Syiah bersujud di atas batu atau tanah Karbala ketika solat, 67.8 peratus (183), min 3.93 sangat menggalakkan perkahwinan *Mut'ah* (Kahwin Kontrak) dalam amalan Syiah, 63.3 peratus (171), min 3.93 memukul tubuh badan sendiri sempena memperingati kematian Hussain bin Ali pada hari Asyura, 59.6 peratus (161), min 3.84 melafazkan azan Syiah

tidak sama seperti azan Sunni dan min 3.72 menghalalkan persetubuhan dengan golongan wanita secara bersilih ganti dalam perkahwinan *Mut'ah*, 59.3 peratus (160), min 3.81 melakukan *Mut'ah* (Kahwin Kontrak) mendapat ganjaran pahala yang besar dan min 3.77 menjamakkan solat iaitu Zohor dengan Asar serta Maghrib dengan Isya' dalam semua keadaan tanpa sebab tertentu, 57.8 peratus (156), min 3.83 mengamalkan kahwin *Mut'ah* (Kontrak) tidak memerlukan sebarang saksi atau wali, 57.4 peratus (155), min 3.82 meratapi dan menangisi kematian Hussain bin Ali pada 10 Muharram, 55.5 peratus (150), min 3.77 menyambut Hari Karbala pada setiap 10 Muharram, 54.8 peratus (148), min 3.68 melakukan *Mut'ah* (Kahwin Kontrak) boleh memenuhi keperluan seks seseorang, 52.6 peratus (142), min 3.72 memperingati kematian Hussain bin Ali pada 10 Muharram adalah amalan yang disyariatkan, 33.7 peratus (91), min 3.39 melewati berbuka puasa sehingga hampir waktu Isyak, 32.2 peratus (87), min 3.32 *bertawassul* (berdoa dengan perantaraan dalam ibadah) dengan para Imam Syiah adalah amalan para nabi yang dimakbulkan Allah SWT, 30.8 peratus (83), min 3.34 melakukan *Mut'ah* (Kahwin Kontrak) 4 kali darjatnya lebih tinggi daripada Nabi Muhammad SAW, 29.6 peratus (80), min 3.35 tidak mendirikan solat Jumaat selagi Imam Mahdi belum muncul, 27.4 peratus (74), min 3.29 tidak boleh berkahwin dengan Ahli Sunnah Waljamaah, 26.7 peratus (72), min 3.28 mewajibkan menyapu kaki dan bukan membasuh ketika berwudhuk, 23.0 peratus (62), min 3.20 mengharuskan perbuatan meliwat, 20.4 peratus (55), min 3.23 mengharam makan semua haiwan laut kecuali yang bersisik sahaja bagi Syiah *Imamiyyah*, 19.3 peratus (52), min 3.21 menziarahi makam *Ahlul Bait* di Najaf, Qum, Mashhad dan Karbala adalah amalan sunnah Rasulullah SAW dan min 3.17 bewuquf di Arafah itu adalah anak zina manakala yang wuquf di Karbala adalah anak suci, akhir sekali, 14.8 peratus (40), min 3.15 menetapkan 1/5 (*khumus*) dari harta mereka sebagai sumbangan tetap tahunan.

Jadual 5.1: Kefahaman Responden Terhadap Amalan Syiah

KOD	Saya memahami bahawa amalan Syiah...	STS	TS	TP	JUM (%)	S	SS	JUM (%)	Mean	SP	Tahap
D1	Bersujud di atas batu atau tanah Karbala ketika solat.	0	0.4 (1)	26.7 (72)	27.1 (73)	34.8 (94)	38.1 (103)	72.9 (197)	4.10	.808	Tinggi
D2	Tidak mendirikan solat Jumaat selagi Imam Mahdi belum muncul.	1.1 (3)	0.4 (1)	68.9 (186)	70.4 (190)	21.1 (57)	8.5 (23)	29.6 (80)	3.35	.689	Sederhana Tinggi
D3	Menjamakkan solat iaitu Zohor dengan Asar serta Maghrib dengan Isya' dalam semua keadaan tanpa sebab tertentu.	0.4 (1)	0.4 (1)	40.0 (108)	40.7 (110)	40.0 (108)	19.3 (52)	59.3 (160)	3.77	.769	Sederhana Tinggi
D4	Melafazkan azan Syiah tidak sama seperti azan Sunni	0.4 (1)	1.5 (4)	38.5 (104)	40.4 (109)	32.6 (88)	27.0 (73)	59.6 (161)	3.84	.852	Sederhana Tinggi
D5	Mewajibkan menyapu kaki dan bukan membasuh ketika berwudhuk.	0.4 (1)	1.5 (4)	71.5 (193)	73.3 (198)	23.0 (62)	3.7 (10)	26.7 (72)	3.28	.573	Sederhana Tinggi

D6	Melewatkan berbuka puasa sehingga hampir waktu Isyak.	0.4 (1)	0.4 (1)	65.6 (177)	66.3 (179)	26.7 (72)	7.0 (19)	33.7 (91)	3.39	.641	Sederhana Tinggi
D7	Menyambut Hari Karbala pada setiap 10 Muharram.	0	0	44.4 (120)	44.5 (120)	33.3 (90)	22.2 (60)	55.5 (150)	3.77	.787	Sederhana Tinggi
D8	Memukul tubuh badan sendiri sempena memperingati kematian Hussain bin Ali pada hari Asyura	0	1.1 (3)	35.6 (96)	36.7 (99)	32.2 (87)	31.1 (84)	63.3 (171)	3.93	.842	Sederhana Tinggi
D10	Memperingati kematian Hussain bin Ali pada 10 Muharram adalah amalan yang disyariatkan.	0	2.6 (7)	44.8 (121)	47.4 (128)	29.6 (80)	23.0 (62)	52.6 (142)	3.72	.843	Sederhana Tinggi
D11	Meratapi dan menangihi kematian Hussain bin Ali pada 10 Muharram.	0	0.7 (2)	41.9 (113)	42.6 (115)	31.5 (85)	25.9 (70)	57.4 (155)	3.82	.824	Sederhana Tinggi
D12	Tidak boleh berkahwin dengan Ahli Sunnah Waljamaah.	1.5 (4)	2.6 (7)	68.5 (185)	72.6 (196)	19.6 (53)	7.8 (21)	27.4 (74)	3.29	.711	Sederhana Tinggi

D13	Sangat menggalakkan perkahwinan <i>Mut'ah</i> (Kahwin Kontrak) dalam amalan Syiah.	0.7 (2)	1.1 (3)	30.4 (82)	32.2 (87)	39.3 (106)	28.5 (77)	67.8 (183)	3.93	.835	Sederhana Tinggi
D14	Mengamalkan kahwin <i>Mut'ah</i> (Kontrak) tidak memerlukan sebarang saksi atau wali.	1.1 (3)	0	41.1 (111)	42.2 (114)	30.0 (81)	27.8 (75)	57.8 (156)	3.83	.874	Sederhana Tinggi
D15	Melakukan <i>Mut'ah</i> (Kahwin kontrak) mendapat ganjaran pahala yang besar.	0.7 (2)	0	40.0 (108)	40.7 (110)	35.2 (95)	24.1 (65)	59.3 (160)	3.81	.822	Tinggi
D16	Melakukan <i>Mut'ah</i> (Kahwin kontrak) 4 kali darjatnya lebih tinggi daripada Nabi Muhammad SAW.	3.3 (9)	1.5 (4)	64.4 (174)	69.2 (187)	18.9 (51)	11.9 (32)	30.8 (83)	3.34	.833	Sederhana Tinggi
D17	Melakukan <i>Mut'ah</i> (Kahwin kontrak) boleh	3.0 (8)	1.1 (3)	41.1 (111)	45.2 (122)	34.1 (92)	20.7 (56)	54.8 (148)	3.68	.913	Sederhana Tinggi

	memenuhi keperluan seks seseorang.										
D18	Menghalalkan persetubuhan dengan golongan wanita secara bersilih ganti dalam perkahwinan mut'ah.	3.0 (8)	0.4 (1)	37.0 (100)	40.4 (109)	40.0 (108)	19.6 (53)	59.6 (161)	3.72	.882	Sederhana Tinggi
D19	Mengharuskan perbuatan meliwat.	3.3 (9)	2.2 (6)	71.5 (193)	77.0 (208)	16.3 (44)	6.7 (18)	23.0 (62)	3.20	.737	Sederhana Tinggi
D20	Menetapkan 1/5 (<i>khumus</i>) dari harta mereka sebagai sumbangan tetap tahunan.	0.4 (1)	0.4 (1)	84.4 (228)	85.2 (230)	12.6 (34)	2.2 (6)	14.8 (40)	3.15	.456	Sederhana Tinggi
D21	Mengharam makan semua haiwan laut kecuali yang bersisik sahaja bagi Syiah <i>Imamiyyah</i> .	0.4 (1)	1.5 (4)	77.8 (210)	79.6 (215)	14.8 (40)	5.6 (15)	20.4 (55)	3.23	.587	Sederhana Tinggi
D22	Menziarahi makam <i>Ahlul Bait</i> di Najaf, Qum, Mashhad dan Karbala	0.7 (2)	1.5 (4)	78.5 (212)	80.7 (218)	14.1 (38)	5.2 (14)	19.3 (52)	3.21	.589	Sederhana Tinggi

	adalah amalan sunnah Rasulullah SAW.										
D23	<i>Bertawassul</i> (berdoa dengan perantaraan dalam ibadah) dengan para Imam Syiah adalah amalan para nabi yang dimakbulkan Allah SWT.	2.6 (7)	1.9 (5)	63.3 (171)	67.8 (183)	24.8 (67)	7.4 (20)	32.2 (87)	3.32	.750	Sederhana Tinggi
D24	Berwuquf di Arafah itu adalah anak zina manakala yang wuquf di Karbala adalah anak suci.	3.0 (8)	0.7 (2)	77.0 (208)	80.7 (218)	14.1 (38)	5.2 (14)	19.3 (52)	3.17	.666	Sederhana Tinggi

STS Sangat Tidak Setuju TS Tidak Setuju TP Tidak Pasti S Setuju SS Sangat Setuju

Hasil dapatan menunjukkan tahap kefahaman guru-guru pelatih di IPG, Selangor terhadap amalan Syiah berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min 3.56. Daripada dapatan menunjukkan tiga item yang mendapat nilai peratus tertinggi adalah:

1. Majoriti 72.9% guru-guru pelatih faham bahawa amalan Syiah bersujud di atas batu atau tanah Karbala ketika solat.
2. Majoriti 67.8% guru-guru pelatih faham bahawa amalan Syiah menggalakkan perkahwinan *Mut'ah* (Kahwin Kontrak).
3. Majoriti 63.3% guru-guru pelatih faham bahawa amalan Syiah memukul tubuh badan sendiri sempena memperingati kematian Hussain bin Ali pada hari Asyura.

Manakala, tiga item yang mendapat nilai peratus terendah menunjukkan:

1. Hanya 20.4% guru-guru pelatih sahaja yang faham bahawa amalan Syiah mengharamkan memakan semua haiwan laut kecuali yang bersisik sahaja bagi Syiah *Imamiyyah*.
2. Hanya 19.3% guru-guru pelatih sahaja yang faham bahawa amalan Syiah menziarahi makam *Ahlul Bait* di Najaf, Qum, Mashhad dan Karbala dengan menyatakan itu adalah amalan sunnah Rasulullah SAW dan berwuquf di Arafah itu adalah anak zina manakala yang wuquf di Karbala adalah anak suci.
3. Hanya 14.8% guru-guru pelatih sahaja yang faham bahawa amalan Syiah menetapkan 1/5 (*khumus*) dari harta mereka sebagai sumbangan tetap tahunan.

6.0 Kesimpulan

Malaysia adalah negara berteraskan Ahli Sunah Waljamaah yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Sedangkan fahaman Islam selain daripada Ahli Sunah Waljamaah mestilah dinilai dengan panduan pihak yang berautoriti. Dapatan kajian mengenalpasti amalan Syiah yang bersalahan dengan ASWJ. Kajian ini penting kerana amalan beragama dipengaruhi sejauh mana kefahaman masyarakat Islam di Malaysia terhadap fahaman akidah ASWJ. Perkara ini juga membuka ruang kepada penerimaan terhadap aliran-aliran lain yang bukan ASWJ. Rumusan kajian mendapati bahawa peranan pendidikan sebagai wadah menyampaikan ilmu. Penerapan akidah yang melibatkan setiap hierarki masyarakat perlu diperkukuhkan bagi menjamin kelangsungan umat Islam di Malaysia. Semoga kajian ini memberi dan menambah input yang bermanfaat kepada masyarakat Islam khususnya mengenai fahaman Syiah.

RUJUKAN

al-Quran.

Al-Ahkam.net., (2012). <http://www.al-ahkam.net/home/content/memorandum-syiah-malaysiaikepada-dymm-ydp-agong>. Tarikh capaian: 10 Mei 2018.

al-Kashani, Muhammad Mahsan al-Fayd. 2000. al-Wafi, ed. Diya' al-Din al-Husayni. Esfahan: Maktabah al-Imam Amir al-Mukminin 'Ali 'alayh al-Salam.

al-Khomeini, 1998. *Tahrir al Wasilah*. Kedutaan Republik Islam Iran. Damsyik.

al-Mufid, Muhammad bin Muhammad.1993. *al-Irshad*, cet. 2. Beirut: Dar al-Mufid.

al-Qommi, Abbas Bin Muhammad bin Ridha. 2011. *Muntaha al-Amal fi Tawarikh al-Nabi Wal Al*. Tehran: Darul Mustafa al-Alamiyyah Li Tiba'ah Wa Al-Nasyr.

al-Salus, Ali. 2003, *Ma'a al-Ithnay 'Asyriyyah Fi al Usul Wal Furu'*, Dar al-Faisaliah Riyadh

al-Tusi, Muhammad bin al-Hasan. 1407H. *Tahzib al-Ahkam*. Tehran: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.

Astroawani.com., (2015). <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpn-pendedahansyiah-untuk-keselamatan-negara-26881/>. Tarikh capaian: 10 Mei 2018.

Fatwa Kebangsaan. 2013. Syiah di Malaysia. Diakses pada 19 Jan 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/syiah-di-malaysia/6> Februari 2013.

- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Harian Metro*. 2010. 17 Disember.
- Harian Metro*. 2010. 19 Disember.
- Hurr Amili, Muhammad bin Hasan. 1409H. *Wasa'il al-Shi'ah*. Qom: Mu'assasah Al al-Bayt.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2014. *Bahagian Perancangan dan penyelidikan. Analisis Akuan Berkanun Pengakuan Bermazhab Syiah*. Putrajaya: JAKIM.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Krejcie, V. R., & Morgan, W.D. 1970. Determining Sample Size for Research Activities, *Educational and Psychological Measurement*, (30), Duluth: University of Minnesota.
- Lutpi Ibrahim. 1993. *Minhaj Kebenaran dan Pendedahan (Fiqh Lima Mazhab di Antara Nas dan Ijtihad)*. Bandung: al-Wahdah Publication.
- Marcinkowski, Christoph. 2013. The Iranian Shi'i Diaspora in Malaysia. [https://www.mei.edu/publications/iranian-shii-diaspora-malaysia; di akses pada 19 Disember 2018].
- Mohammed al-Sulami., (2018). Exporting Iran's Revolution: a pleasant euphemism for regional chaos. Retrieved from <http://english.alarabiya.net/en/views/news/middleeast/2018/03/22/-Exporting-Iran-s-Revolution-A-pleasant-euphemism-for-regionalchaos.html>.
- Mohd Haidhar bin Kamarzaman. 2011. Syiah di Selangor. Tesis Sarjana Muda Pengajian Islam, UKM.

- Mohd Nakhaie Ahmad., (2013). *Aqidah dan Cita-Cita Politik Khomainy Berdasarkan KaryaKaryanya*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Mengenai Syiah anjuran MUAFAKAT, 8 September 2013, Kuala Lumpur.
- Mohd Samsuddin Harun & Azmul Fahimi Kamaruzaman., (2011). *Kemunculan Syiah di Alam Melayu: Satu Kajian Awal*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nunally, J.C. 1978. *Psychometric Theory* (2nd ed.). The University of Michigan, McGraw-Hill.
- Paridah Ramli. 1984. *Orang Arab di Kedah*. Tesis sarjana Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Zailan Kamaruddin bin Wan. 1994. *Aliran Syiah di Nusantara: Perkembangan*, *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Warta Kerajaan Negeri Selangor. 2013. *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Fatwa di bawah Subseksyen 50(1)*.